



ARAHAN DI BAWAH PERATURAN 18A PERATURAN – PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984

BILANGAN 1 TAHUN 2018

LARANGAN PENGGUNAAN NAMA DAN/ATAU LABEL DAN/ATAU BENTUK / WARNA / SAIZ BEKAS YANG SAMA ATAU MENYERUPAI DENGAN PRODUK KOSMETIK YANG TELAH DIBATALKAN ATAS ISU CAMPURPALSU

TUJUAN

- 1.1 Arahuan ini bertujuan memaklumkan larangan penggunaan nama dan/atau label dan/atau bentuk/warna/saiz bekas yang sama atau menyerupai dengan produk kosmetik yang telah dibatalkan atas isu campurpalsu.
- 1.2 Peraturan 18A Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 memberi kuasa kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi untuk mengeluarkan arahan tersebut.

LATAR BELAKANG

2.1 Di bawah Program Pengawasan Mutu Produk Kosmetik Bernotifikasi, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah mengenalpasti terdapat produk-produk kosmetik yang bernotifikasi di pasaran telah menggunakan **nama dan/atau label dan/atau bentuk/warna/saiz bekas yang sama atau menyerupai** dengan produk kosmetik yang telah dibatalkan atas isu campurpalsu.

2.2 Produk-produk sebegini boleh menyebabkan kekeliruan kepada pengguna dan menjelaskan keselamatan mereka.

PELAKSANAAN

3. Oleh itu, arahan-arahan berikut dikeluarkan iaitu :
 - 3.1 Syarikat pemegang notifikasi kosmetik adalah **DILARANG** menggunakan nama dan/atau label dan/atau bentuk/warna/saiz bekas yang sama atau menyerupai dengan produk kosmetik yang telah dibatalkan atas isu campurpalsu.

BPFK/PASCA/K/23 (15)

- 3.2 Kegagalan untuk mematuhi arahan tersebut boleh menyebabkan **tindakan regulatori** diambil terhadap produk tersebut.

TARIKH KUAT KUASA

4. Tarikh kuat kuasa arahan ini ialah mulai 1 JUN 2018.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DR. SALMAH BT. BAHRI) RPh. 783
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia